



warisan global SDN BHD
Cultivating Capabilities. Creating Tomorrow

PERTANDINGAN MENULIS CERITA – CERITA RAKYAT SABAH 2008

20hb Oktober 2008

SIDANG AKHBAR

DI

PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH

Bersempena dengan
Majlis Perasmian Bangunan Baru Perpustakaan Negeri Sabah
Cawangan Semporna

Emel: myfolktale@warisanglobal.com
Web: www.warisanglobal.com

UNTUK TERBITAN SEGERA

PERTANDINGAN MENULIS CERITA-CERITA RAKYAT SABAH 2008 / 2009

SATU INISIATIF OLEH WARISAN GLOBAL SDN BHD DENGAN KERJASAMA PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH

Ke Arah Pendokumentasi, Digitalisasi dan Pembangunan Warisan Asli Rakyat Malaysia

Warisan Global Sdn Bhd (WG) dengan kerjasama Perpustakaan Negeri Sabah (SSL) dengan sukacitanya melancarkan Pertandingan Menulis Cerita-cerita Rakyat Sabah 2008 bersempena dengan Minggu Keusahawanan Global.

Inisiatif ini merupakan yang julung kalinya diadakan di Sabah dan mensasarkan seluruh sektor komuniti Sabah untuk menyertai pertandingan ini.

Penyertaan adalah melalui 3 langkah mudah seperti berikut:

1. Bina kumpulan yang terdiri tidak lebih dari 10 ahli dari pelbagai lapisan umur.
2. Tulis sekurang-kurangnya satu cerita rakyat yang pernah didengar dari orang-orang tua dan olah dengan menggunakan perisian Microsoft Word atau perisian pemprosesan perkataan yang lain. Cerita hendaklah ditulis dengan menggunakan bahasa asal (Kadazandusun, Murut atau Bajau sahaja) dan diterjemahkan ke Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Inggeris sebagai syarat penyertaan.
3. Lengkapkan cerita-cerita ini ke dalam buku skrap beserta dengan ilustrasi yang bersesuaian dan hantarkan ke perpustakaan awam yang berdekatan.

Menyedari budaya dan warisan negeri Sabah yang pelbagai dan kaya dengan cerita-cerita rakyat yang hanya diketahui secara lisan, WG mengambil inisiatif ini sebagai sumbangan mereka untuk memelihara seni budaya yang penting ini dalam bentuk digital dan seterusnya dapat dikongsi bersama di dunia siber. Memandangkan pertandingan ini adalah yang pertama kalinya dianjurkan di Sabah, pihak penganjur menghadkan kategori penyertaan kepada 3 bahasa utama di Sabah iaitu Kadazandusun, Murut dan Bajau.

Inisiatif ini adalah sebagai kesinambungan dari inisiatif yang seumpamanya dianjurkan di Sarawak dengan kerjasama Pustaka Negeri Sarawak.

Semua penyertaan yang sah akan dinilai dan cerita-cerita yang terpilih akan diedit, diilustrasi dan dikompilasikan dengan 3 bahasa dalam satu terbitan (Bahasa Asal, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia). Kompilasi cerita ini kemudiannya akan diterbitkan untuk awam melalui laman web SSL dan WG.

Penajaan oleh WG untuk tahun ini bagi keseluruhan perjalanan pertandingan dianggarkan sebanyak RM70,000. Tajaan ini merangkumi pengurusan pertandingan, penghakiman, hadiah wang tunai dan juga produksi dalam penghasilan terbitan akhir. SSL akan memberi kerjasama dari segi mempromosikan pertandingan ini kepada semua perpustakaan dan juga melalui saluran lain yang berkenaan.

Inisiatif ini adalah merupakan salah satu aktiviti Tanggungjawab Korporat WG bagi tahun 2008.

Dengan sokongan yang baik dari semua pihak yang terlibat seperti Perpustakaan Negeri Sabah, WG merancang untuk memanjangkan pertandingan ini ke peringkat nasional pada suatu masa nanti dan satu laman web yang baru iaitu www.myfolktales.net sedang dibangunkan untuk tujuan ini. WG juga sedang dalam usaha meletakkan hasil kerja ini ke peta dunia bagi kategori cerita-cerita rakyat.

Hadiah-hadiah yang ditawarkan untuk pertandingan ini adalah seperti berikut:

Hadiah Pertama: RM1,200 + Trofi + Sijil

Hadiah Kedua: RM900 + Trofi + Sijil

Hadiah Ketiga: RM600 + Trofi + Sijil

5 Hadiah Saguhati: RM100 + Sijil

Poster dan risalah / borang penyertaan boleh didapati dari perpustakaan – perpustakaan awam, sekolah-sekolah dan majlis-majlis daerah yang berdekatan. Maklumat lanjut penyertaan juga boleh dilayari di laman web <http://www.warisanglobal.com> dan <http://www.ssl.sabah.gov.my>.

Sila hubungi Nurha (Warisan Global Sdn. Bhd) di talian 03-2026 2005 dan / atau Jaiton (Perpustakaan Negeri Sabah) di 088-214 828 untuk pertanyaan lanjut. Penyertaan hendaklah sampai ke perpustakaan awam anda yang terdekat sebelum atau pada 15hb Januari 2009.

Mengenai Warisan Global Sdn Bhd

Warisan Global Sdn. Bhd. (WG) dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Minggu Keusahawanan Global - '*Global Entrepreneurship Week*' (*GEW*) bakal berlangsung pada 17 – 23 November 2008 dan Warisan Global telah dilantik sebagai hos Malaysia untuk acara tersebut. Inisiatif yang diasaskan oleh Yayasan Ewing Marion Kauffman dan '*Make Your Mark*', UK ini mendapat sokongan di peringkat antarabangsa dari syarikat Ernst & Young, IBM dan NYSE Euronext.

WG adalah syarikat Malaysia yang telah diasaskan pada tahun 2000 oleh seorang usahawan tempatan.

Syarikat –syarikat keusahawanan sosial adalah syarikat yang menjalankan perniagaan yang berasaskan keuntungan dengan memfokuskan kepada Sosial dan Alam Sekitar.

WG memfokuskan projek-projek yang mampu menyemarakkan semangat keusahawanan dan keusahawanan sosial. Projek-projek yang dilaksanakan merangkumi seluruh negara.

WG bekerjasama dengan organisasi–organisasi kerajaan dan juga beberapa syarikat besar Malaysia untuk merekabentuk dan mengurus-projek inisiatif yang memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat – dari penduduk desa hinggalah ke belia universiti.

WG adalah syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Mereka juga adalah merupakan rakan organisasi bersama **telecentre.org** – organisasi Global yang mempromosikan keusahawanan di peringkat akar umbi di komuniti.

WG juga bekerjasama dengan **Centre for Entrepreneurial Learning (CfEL), the Judge School of Business, Cambridge University** untuk menyampaikan program-program keusahawanan mereka di Malaysia.

Profail syarikat Warisan Global Sdn Bhd boleh dimuat turun daripada www.warisanglobal.com